

pengakuan kerajaan bahawa kerajaan tidak mengganggu hal ehwal umat Islam?

Sepanjang yang diketahui bahawa Rang Undang-undang Piagam Wanita yang melibatkan orang-orang Islam di dalamnya, tidaklah dibahas atau diminta sedikit pun fikiran umat Islam, sekurang-kurangnya Lembaga Penasihat Islam Singapura. Sebab itu orang-orang sekarang telah terfikir-fikir apakah ertinya yang demikian ini? Apakah yang dituju dengan maksud bahawa ((kerajaan tidak akan mengganggu agama mereka dan sentiasa akan menghormati kepercayaan dan pegangan)) mereka? Apakah dengan mengenakan sebahagian daripada Piagam Wanita kepada umat Islam tidak bererti bahawa kerajaan telah dan sudah mengganggu umat Islam?

Adalah menjadi seperkara yang tidak bijak sama ada dengan tepat atau tidak, membabit umat Islam ke dalam suatu perkara yang umat Islam sendiri tidak minta fikirannya terlebih dahulu. Kenyataan yang dibuat oleh kerajaan di dalam hal seperti ini dengan mengatakan tidak mengganggu hal ehwal umat Islam dan kemudian menyatakan sebahagian daripadanya ada dikenakan adalah umpama orang melepas batuk di tangga dengan cuba hendak menyelindungi apa yang sebenarnya ada.

Tetapi walau bagaimana halnya pun langkah kerajaan berterus terang patut dipuji, terutamanya dalam menyedari bahawa umat Islam tidak puas hati atas perjalanan Mahkamah Syariah Singapura.

## **Majlis Penasihat Islam Dengan Umur**

### **Kahwin 16 tahun**

Harus terbit daripada siaran kerajaan Singapura baharu-baharu ini yang menyatakan bahawa Majlis Penasihat Islam Singapura telah mengesyorkan perkahwinan bagi wanita

tidak kurang dari enam belas tahun dan bagi lelaki delapan belas tahun, telah mengeluarkan satu kenyataan yang disuarakan oleh pengerusinya, Dato' *al-Sayyid* Ibrahim bin Omar Alsagoff.

Kenyataan Pengerusi Lembaga Islam itu terlingkung di dalam perkara-perkara di bawah ini:

1. Seseorang gadis yang baharu baligh adalah dibenarkan dikahwini oleh Islam tetapi tidak pula digalakkan dan disuruh.
2. Peraturan boleh dibuat bagi perkara-perkara yang salah digunakan itu guna hanya mengelakkan hal itu dari disalahgunakan.
3. Jika sekiranya seorang bapa memaksa anak perempuannya kahwin pada masa muda maka ia melakukan sesuatu yang membahayakan masa depan anaknya, dan ini adalah menyalahgunakan apa yang dibenarkan itu.
4. Penentuan serendah-rendah umur bagi perkahwinan gadis di zaman dulu dan mengikut keadaan-keadaan tertentu sesuai dengan tujuan Islam.
5. Keputusan lembaga mengadakan umur 18 bagi lelaki dan 16 bagi perempuan tidak bermakna tidak membenarkan langsung perkahwinan antara umur menjelang baligh tetapi tidak mahu manusia menyalahgunakan apa yang telah dibenarkan itu.

Sekian khulasah kenyataan Pengerusi Lembaga Penasihat Islam Singapura kepada akhbar. Beliau juga ada menyatakan bahawa mana-mana perkahwinan yang kurang umurnya dari 16 tahun hanya boleh dikahwinkan oleh *Chief* Kadi sahaja sekiranya ia berpuas hati.

Kita telah menulis dan membahas perkara ini dalam majalah ini dengan membentangkan bahawa jelas dan terang adalah

Lembaga Penasihat Islam Singapura dalam memutuskan soal yang mengenai agama Islam yang telah ada hukuman-hukuman di dalam *al-Kitāb* dan *al-Sunnah* dengan menggunakan undi 7 dengan 7 suara sedang Yang Dipertuanya sendiri memberi undinya kepada meluluskan umur 18 dan 16 itu dijadikan umur perkahwinan.

Sepanjang yang kita ketahui tujuh orang yang membantah atau tidak bersetuju itu adalah terdiri dari alim ulama termasuk *Ṣāhib al-Faḍīlah al-Sayyid* Abdullah bin Syeikh Bilfaqih, seorang ulama ahli fikah yang masyhur di Singapura ini. Beliau sendiri di dalam Persidangan Jawatankuasa *Jamiyah* yang diadakan baharu-baharu ini tatkala membahas perkara itu telah pernah menyatakan bahawa alasan-alasan yang dibuat oleh orang-orang yang menghendaknya bahawa negeri Mesir dan Pakistan sudah pun membuat peraturan begitu tetapi kata beliau: “Sekalipun seluruh dunia menetapkan umur 16 tahun atas perkahwinan wanita itu namun beliau tetap berpegang kepada hukum Allah bahawa baligh itulah yang benar”).

Kita suka menarik perhatian bahawa mengapa kelulusan yang diberi oleh Tuhan Maha Pengatur dan Maha Bijaksana itu hendak dipinda-pinda oleh manusia? Tuhan telah menetapkan dan menentukan bahawa seseorang perempuan apabila baligh bolehlah ia berkahwin. Adakah kerana kahwin itu menyebabkan bebal?

Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* telah berkahwin dengan Siti ‘Ā’ishah sebelum baligh dan apabila baligh sahaja Siti ‘Ā’ishah di dalam umur sembilan tahun Rasulullah (S.A.W.) telah bersatu. Apakah dengan kerana bersatu itu Siti ‘Ā’ishah menjadi orang yang bebal? Tidak! Siti ‘Ā’ishah orangnya yang terkemuka dan lebih cerdas dari

wanita-wanita lainnya.

Adakah Siti ‘Ā’ishah rosak pertumbuhannya? Adakah Pengerusi Lembaga itu tidak mengetahui beberapa banyak daripada datuk neneknya yang telah berkahwin di dalam masa perempuan yang hanya cukup sampai baligh sahaja? Apakah keturunan mereka itu daripada orang-orang yang lemah?

Adakah perkahwinan di bawah umur 16 tahun itu dipandang membahayakan kepada masa depan gadis-gadis itu? Adakah lembaga ini hanya memandang kepada satu segi iaitu di atas paksaan atas sesuatu perkahwinan sedang kepada segi yang lebih mudarat tidak dipandanginya?

Umpamanya, seorang keluarga yang miskin ada mempunyai anak berumur 14 tahun. Di dalam percampuran sekarang mereka bebas berkawan-kawan. Kemudian sudah berkenalan, lalu mereka bercinta-cinta dan ayah bagi si lelaki meminang anak perempuan yang umur 14 tahun itu. Ayahnya, kerana miskinnya tentu menerima terutamanya di dalam agama menggalakkan sesuatu perkahwinan untuk melepaskan bencana. Kerana itu pinangan itu diterimanya tetapi apabila pergi kepada kadi maka kadi menolak sebab telah dimaklumkan kepada mereka bahawa mereka telah diperintahkan tidak boleh mengkahwinkan anaknya itu sebab baharu berumur 14 tahun – ertinya mereka mesti menunggu dua tahun lagi.

Perkara yang akan timbul daripadanya – (1) Siapakah yang menjamin nafkah anak itu? Kalau keluarganya miskin tidakkah ini satu aniaya?

(2) Bolehkah Lembaga menjamin, melihat keadaan sekarang, anak-anak itu akan terjauh daripada maksiat?

Di dalam perkembangan anak-anak sekarang dapat kita lihat

dengan nyatanya, baharu berumur tujuh atau delapan tahun ((sudah faham)) akan sesuatu yang tidak difaham oleh orang-orang yang berumur 16 tahun dalam masa enam atau tujuh puluh tahun yang lampau. Apakah keadaan di sekeliling masyarakat ini tidak menjadi kajian? Apakah kita akan suka melihat anak-anak haram akan lebih banyak keluar di dalam masyarakat kita kerana adanya sekatan-sekatan itu?

Tuhan Maha Bijaksana. Keadaan sesuatu tempat adalah membawa dengan sendirinya pertumbuhan tubuh manusia. Sebab itu umur tidak dijadikan sempadan untuk menentukan boleh berkahwin. Ada orang yang berumur sembilan tahun sudah baligh. Ada pula sampai 16 atau 17 tahun baharu baligh. Dan Tuhan pula menentukan jodoh bagi tiap-tiap makhluk-Nya. Maka walau bagaimana kecilnya tubuh perempuan itu tetapi ia dapat menunaikan tugasnya sebagai seorang isteri dengan sebaik-baiknya. Sebab itu mengapa kita berdalih atau mencari jalan untuk menyekat apa yang telah diluluskan oleh Allah dan rasul-Nya? Apa hak pula menambah atau meminda atau menyekat kelonggaran yang diberi Tuhan? *Mā shā'a Allāh!*

Terang dan nyata bahawa Rasulullah menggalakkan perkahwinan terutamanya kepada anak-anak perempuan. Sebabnya fitnah mudah terjadi di atas mereka. Sedangkan pada zaman Nabi telah digalakkan apalagi masa sekarang di dalam mana anak-anak lebih bebas percampurannya. Banyak kita dengar yang terjadi hamil dahulu baharu kahwin – dan banyak pula yang mengeluarkan anak dengan tidak berayah. Dengan keadaan masa yang seperti ini apakah perkahwinan hendak dipayah dan disusahkan? Apakah lembaga akan memberatkan ibu bapa di dalam menanggung anak-anaknya dan mengawal mereka daripada kejahatan?

Jauhkanlah kita daripada perbuatan untuk menyekat

atau menyukar sesuatu perkahwinan yang Tuhan sudah meluluskannya. Perkahwinan digalakkan adalah menjauhkan daripada fitnah selekas-lekasnya mungkin seseorang yang telah baligh itu dikahwinkan bermakna menjauhkan fitnah dan bencana dan bermakna juga membersihkan keturunan daripada perbuatan-perbuatan yang tidak baik.

Tuhan juga telah membuat peraturan bahawa kanak-kanak yang belum cukup umurnya boleh dinikahkan dengan syarat-syaratnya dan walinya boleh menahan anaknya disatukan apabila sahaja dipandangnyanya anaknya yang telah dinikahkan masih kecil lagi dan seumpamanya. Maka apakah kelulusan yang seperti itu mesti ditahan?

### **Kahwin Lebih Daripada Satu**

Kenyataan Majlis Penasihat Islam mengenai kahwin lebih daripada satu dapat disimpulkan seperti di bawah ini:

1. Islam, katanya, tidak menggalakkan kahwin lebih daripada satu.

Islam menuntut supaya suami berlaku adil kepada isteri-isterinya dan jika tidak berlaku adil maka haram hukumnya. Sebab itulah pemerintah Islam boleh mengadakan sekatan atas perkahwinan lebih dari satu.

Sebab itulah Lembaga itu mengesyorkan kepada kerajaan mengadakan penyiasatan atas sesuatu perkahwinan yang hendak dibuat.

Jawabnya: Apakah syarat adil itu? Adil atas

nafkah atau bagaimana? Kita telah menyiarkan perkara ini di dalam majalah Qalam yang lalu – didasarkan atas fahaman empat mazhab – bukan di atas fikiran.

2. Contohnya di atas orang yang bergaji \$150 sebulan

Sambungannya pada muka 37